

1914/PA

MAHATHIR - DAKYAH 'R'R'R'
1983

PULAU PINANG, 28 MEI (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KERAJAAN SEDANG MEMERHATIKAN GERAK GERI GOLONGAN TERTENTU YANG CUBA MENGHASUT RAKYAT DENGAN BERBAGAI DAKYAH.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN TINDAKAN AKAN DIAMBIL TERHADAP GOLONGAN ITU SEKIRANYA PERBUATAN MEREKA BERLELUASA DAN MELAMPAUI BATAS.

BELIAU BERUCAP DI MAJLIS PERJUMPAAN SEMPENA PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN BALIK PULAU DI PADANG SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI ARA, KIRA-KIRA 15 KILOMETER DARI BANDARAYA.

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU IALAH WAKIL KETUA MENTERI, DATUK KHOR GARK KIM, KETUA UMNO BAHAGIAN ITU DATUK HAJI ISMAIL HASHIM DAN AHLI PARLIMEN BALIK PULAU ENCIK SHAMSURI HAJI SALLEH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA GOLONGAN ITU BERGERAK KE MERATA-RATA TEMPAT TERUTAMA DI KAMPUNG-KAMPUNG MENYEBARKAN DAKYAH DENGAN MENKRITIK PROJEK-PROJEK YANG CUBA DIJALANKAN OLEH KERAJAAN UNTUK FAEDAH SEMUA RAKYAT. -- LAGI 1817/0M

ZCZC B609:

MAHATHIR-DAKYAH 2 PULAU PINANG

BELIAU BERKATA GOLONGAN ITU BERTINDAK BERTENTANGAN DENGAN AJARAN AGAMA DENGAN MENGGUNAKAN ISLAM SEBAGAI ALAT UNTUK MENCAPAI CITA-CITA MEREKA.

KATANYA MEREKA TELAH MENINGKATKAN PENGGUNAAN ISLAM SEBAGAI ALAT UNTUK MENUDUH KERAJAAN SEKARANG TIDAK ISLAM DAN DIPIMPIN OLEH ORANG YANG BUKAN ISLAM.

+SEKARANG INI MEREKA ASYIK PULA KE SANA SINI MENUNJUK GAMBAR-GAMBAR BERKENAAN SEBUAH NEGARA YANG SUDAH PUN MEMBUANGKAN RAJANYA DAN MENUNJUKKAN BETAPA REVOLUSI YANG DIADAKAN DI NEGARA ITU SUDAH MENJADIKAN NEGARA ITU KONONNYA NEGARA ISLAM,+ KATANYA.

KATANYA GOLONGAN ITU JUGA MENUNJUKKAN GAMBAR-GAMBAR DI BAWAH PEMIMPIN BARUNYA YANG DIKATAKAN KERAJAANNYA YANG PALING BAIK SEKALI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEREKA SANGGUP MENGGUNAKAN ISLAM UNTUK MEMANCING UNDI RAKYAT TANPA MENGIRA AKIBATNYA DAN HANYA MEMENTINGKAN KESAN DAN HASILNYA SAHAJA.

MEREKA TELAH BERANI +MENGKAFIRKAN+ ORANG ISLAM YANG LAIN, MENKRITIK PENUBUHAN BANK ISLAM YANG DIANGGAP MEREKA +TIDAK ISLAM+ DAN PENUBUHAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SEBAGAI DATU DAKYAH KERAJAAN. -- LAGI 1819/0M

MAHATHIR-DAKYAH 3 PULAU PINANG

KATANYA SECARA TIDAK LANGSUNG MEREKA SUDAH PUN BERJAYA MEMPENGARUHI FIKIRAN RAKYAT BAHAWA NEGARA INI TIDAK ISLAM KERANA MEMPUNYAI SISTEM BERJAYA

MENURUTNYA MEREKA MENIMBULKAN PERKARA ITU SECARA TIDAK LANGSUNG KERANA BIMBANG TERHADAP RISIKO UNDANG-UNDANG SEKIRANYA DIBUAT TUDUHAN SECARA LANGSUNG.

KATANYA SEHINGGA INI GOLONGAN ITU BEGITU PANDAI MENGELAKKAN DIRI DARIPADA DIKENAKAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG. TETAPI, KATA BELIAU, SEKIRANYA TERDAPAT BUKTI TENTANG USAHA MEREKA ITU, MEREKA AKAN DAPAT +MERASAI+ KESAN UNDANG-UNDANG YANG TERDAPAT DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TINDAKAN GOLONGAN ITU BOLEH MELEMAHKAN REAKYAT TERUTAMA ORANG-ORANG MELAYU DAN SEBAB ITULAH KERAJAAN SEDANG BERUSAHA MEMBAWA KEMAKMURAN SEPERTI MENGADAKAN SKIM AMANAH SAHAM NASIONAL.

BAGAIMANAPUN, GOLONGAN ITU PULA SEDANG BERUSAHA UNTUK MENENTUKAN GOLONGAN BUMIPUTERA TERUS BERADA DALAM KEMISKINAN DENGAN BERKATA SYARIKAT-SYARIKAT BESAR DI BAWAH ASN HARAM BELAKA.

-- LAGI 1900/AZ

MAHATHIR-DAKYAH 4 PULAU PINANG

BELIAU MENAMBAH SEKIRANYA RAKYAT TERUS BERADA DALAM KEMISKINAN SUDAH TENTU MEREKA AKAN MUDAH DIPENGARUSI OLEH GOLONGAN TERSEBUT DAN BERPALING KEPADA MEREKA.

RAKYAT HENDAKLAH BERUSAHA Mencari Kekayaan Bukan kerana Taksub kepada Kebendaan tetapi kerana ia penting untuk mempertahankan kedudukan mereka.

KEUPAYAAN UNTUK MEMPERTINGKATKAN MARUAH RAKYAT DI SEMUA BIDANG BERGANTUNG KEPADA HARTA BENDA DAN WANG RINGGIT kerana sekiranya tidak ada kekayaan rakyat akan menjadi +PENGEMIS+ yang selalu meminjam-minjam dan meminta-minta daripada orang lain hingga menjadi hamba kepada mereka.

SEBAB ITU, KATANYA, RAKYAT HENDAKLAH MENINGKATKAN HASIL PENDAPATAN DAN KEKAYAAN MEREKA SECARA HALAL DEMI MENGUKUHKAN PERJUANGAN MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PARA PEMIMPIN DAN ORANG MELAYU HENDAKLAH BEKERJA KUAT, KERAS DAN RAJIN MENOLONG DIRI SENDIRI SUPAYA RAKYAT LAIN DAPAT MENCONTOHI MEREKA DAN ITULAH YANG DIMAKSUDKAN BELIAU KEMPIMPINAN MELALUI TAULADAN.

SEKIRANYA RAKYAT SUDAH BERJAYA, NEGARA AKAN MENJADI BERTAMBAH KUKUH DAN DAPAT MEMPERTAHANKAN DIRINYA DARI SEGALA SERANGAN BAMA ADA SERANGAN DI MEDAN PERANG ATAU DI MEDAN EKONOMI, SOSIAL ATAU APA-APA SERANGAN SEKALI PUN. B-- BERNAMA 1903/AZ